

Headline **Peluang sertai Super Pitch**
Date **20. Aug 2008**
Media Title **Berita Harian**
Section **Hip**
Circulation **217920**
Readership **2083000**

Language **MALAY**
Page No **29**
Article Size **581** cm2
Frequency **Daily**
Color **Full Color**
AdValue **10282.21**



Peluang sertai Super Pitch

Festival Film & Video Pelajar Malaysia kali ke-6 bermula 8 Januari 2009

Oleh Nurulhisham Abdul Latiff
nurulbaharian.com.my

BUAT kali keenam, Festival Film & Video Pelajar Malaysia (FFVPM6) kembali lagi dan kali ini acara yang dijadualkan berlangsung selama tiga hari bermula 8 Januari 2009 itu dianjurkan Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi, Bahagian Hal Ehwal Pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (Finas).

Selaras dengan impian melihat lebih banyak bakat muda, terutama di kalangan pelajar diketengahkan dalam dunia perfileman, maka pihak penganjur turut melakukan perubahan terhadap festival berkenaan. Pada edisi keenam, UPM sebagai tuan rumah dan Finas memperkenalkan Anugerah Perdana dan Anugerah Cipta.

Menerusi Anugerah Perdana, pertandingan khas yang dipanggil Super Pitch diperkenalkan. Menerusi anugerah itu, dua kategori bakal dipertandingkan iaitu Video Pendek dan Dokumentari.

Menurut Pengerusi FFVPM6, Dr Megat Al Imran Yasin, bagi setiap kategori terbabit, semua pelajar IPTA dan IPTS dijemput menghantar seberapa banyak cadangan pada peringkat universiti untuk menyertai Super Pitch, yang dibuka bermula 8 September ini.

"Begitupun, hanya beberapa cadangan terbaik akan disenarai pendek, seterusnya dipilih menyertai sesi pembentangan Super Pitch pada 11 Oktober nanti. Lima cadangan terbaik bagi setiap kategori akan dipilih untuk menjalani penggambaran selama sebulan bermula pada 1 November hingga 30 November depan," katanya pada sidang akhbar mengemukakan penganjuran festival terbabit di Kompleks Finas, baru-baru ini.

Hadir sama ialah Ketua Pengarah Finas, Mohd

Mahyidin Mustakim, serta anggota jawatankuasa penganjur festival.

Kata Dr Megat Al Imran, bagi kategori Video Pendek untuk drama atau filem, setiap penyertaan yang dipilih akan menerima peruntukan sebanyak RM2,500, manakala bagi kategori Dokumentari pula RM2,000. Namun jumlah itu mungkin berubah sekiranya pihak penganjur mendapat tajaan yang lebih dalam masa terdekat.

"Bagaimanapun, bagi watak yang memerlukan penyertaan selain pelajar, pelakon watak berkenaan mestilah dipilih

Info

■ **BAGI** Anugerah Cipta, kategori utama yang dipertandingkan ialah Filem Pendek (Cereka), Video Pendek (Cereka), Filem / Video Eksperimental, Filem / Video Dokumentari, Bual Bicara atau MCP, Filem / Video Animasi, Video Muzik dan Iklan / Promo. Tema bagi kategori ini adalah bebas.

■ Pada 8 Januari, sebuah konvensyen diberi tema IPT - Tonggak Modal Insan Industri Perfileman akan diadakan di Dewan Bankuet UPM mulai jam 9 pagi. Ia akan disertai ahli akademik, penggiat filem, pengkritik filem dan pelajar IPT.

■ Antara aktiviti diadakan sepanjang festival ialah acara tayangan dan apresiasi filem tempatan dan antarabangsa. Ia diadakan selama tiga hari sepanjang festival di Dewan Za'aba, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi.

■ Sebarang pertanyaan berkaitan FFVPM6 boleh dihantar kepada Urusetia, Festival Pelajar & Video Pelajar Malaysia Ke-6, Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang.



TANDA SOKONGAN: Mohd Mahyidin (dua dari kanan) menyampaikan replika cek sumbangan Finas kepada Dr Megat Al Imran (dua dari kiri) sambil diperhatikan anggota jawatankuasa FFVPM6.

daripada bakat yang tidak pernah menyertai mana-mana penerbitan drama mahupun filem. Tujuan kami hanya satu, mencungkil lebih ramai bakat baru bagi mewarnai industri perfileman dan penyiaran tempatan," ujarnya.

Bagi dua kategori terbabit, jangka waktu yang ditetapkan adalah tidak melebihi 30 minit selepas suntikan berserta kredit. Beberapa tema turut dikenakan bagi kategori Anugerah Perdana iaitu kasih sayang, budaya atau warisan, pembangunan masyarakat, alam sekitar, isu semasa, isu remaja, perayaan, emansipasi wanita, futuristik dan perpaduan.

Penyertaan dalam Super Pitch ini akan dipilih untuk bertanding dalam kategori Anugerah Perdana yang menawarkan beberapa anugerah. Bagi kategori Video Pendek, anugerah yang disediakan ialah Video Pendek Terbaik, Pengarah Video Pendek Terbaik, Pelakon Lelaki dan Wanita Terbaik, Pelakon Pembantu Lelaki dan Wanita Terbaik, Lakon Layar Terbaik, Cerita Asal Terbaik, Suntingan Terbaik, Sinematografi Terbaik dan Penataan Bunyi Terbaik.

Bagi kategori Dokumentari pula, anugerahnya ialah Dokumentari Terbaik, Pengarah Dokumentari Terbaik, Penyelidikan Dokumentari Terbaik, Visual Terbaik dan Suntingan Terbaik.

Setiap penyertaan dalam Anugerah Perdana akan ditayangkan kepada penonton sepanjang tiga hari festival berlangsung. Ia turut dipaparkan di laman sesawang www.sinemamalaysia.com. Sesi apresiasi akan turut diadakan selepas tayangan dengan matlamat berkongsi idea antara golongan profesional dengan khalayak terhadap hasil yang dipersembahkan.

AFENDI MOHAMMED | BERITA HARIAN